

PENUTUP

KESIMPULAN DAN SARANAN

PENUTUP

KESIMPULAN DAN SARANAN

6.1 Kesimpulan

Dari penyelidikan yang telah dijalankan mengenai perkara-perkara yang menjurus kepada tajuk kajian ini iaitu **“Institusi Fatwa: Peranan dan sumbangan Jabatan Mufti Kerajaan, Negara Brunei Darussalam”**, penulis merumuskan beberapa perkara penting sebagai kesimpulan dalam kajian ini.

Fatwa adalah penjelasan tentang ketentuan hukum syarak dari orang yang mempunyai kepakaran mengenainya. Fatwa perlu ditangani dengan serius dan sistematik untuk mengekalkan kebenaran dan ketulinan ajaran agama Islam serta mencapai matlamat syariat (*Maqāsid al-syari'ah*). Di zaman Rasulullah s.a.w fatwa diputuskan oleh baginda sepenuhnya. Fatwa diberikan berdasarkan wahyu daripada Allah s.w.t yang disebut sebagai al-Qur'an dan sunnah. Kedua-duanya merupakan sumber utama syariat Islam.

Dalam perkara di mana ayat al-Qur'an tidak diturunkan untuk menjelaskan mengenainya Rasulullah s.a.w akan memutuskannya dengan cara berijtihad. Jika hukum yang baginda ijtihadkan itu menepati kehendak hukum Allah s.w.t, ia akan

dibiarkan menandakan adanya restu Allah s.w.t mengenainya. Tetapi jika hukum berkenaan tidak tepat, maka dengan segera Allah s.w.t akan menurunkan ayat al-Qur'an sebagai teguran pembetulan mengenainya seperti yang terjadi terhadap hukum tawanan perang Badr. Kejadian ini membuktikan bahawa segala keputusan yang baginda berikan adalah sentiasa mendapat perhatian daripada Allah s.w.t.

Penentuan fatwa secara ijtihad turut diamalkan oleh para sahabat baginda khususnya ketika mereka sukar menemui Rasulullah s.a.w sedangkan permasalahan tersebut memerlukan ketentuan hukum syarak dengan segera. Walaupun bagaimana pun, hasil ijtihad yang diputuskan dengan cara demikian, para sahabat perlu merujuk keputusan tersebut kepada Rasulullah s.a.w sebaik sahaja menemui baginda. Tujuan berbuat demikian ialah untuk memastikan kesahiha hukum yang diputuskan seperti mana kisah 'Amr bin al-'Aṣ yang memutuskan untuk bertayammum mengangkat hadas besar (janābah) kerana cuaca yang sangat sejuk ketika perang Salāsil.

Di zaman al-Khulafā' al-Rāsyidin fatwa diputuskan setelah merujuk hukum-hukum yang terkandung dalam nas al-Qur'an dan sunnah. Jika hukum permasalahan berkenaan tidak diperolehi melalui keduanya, hukum akan ditentukan melalui ijtihad. Dalam menentukan hukum melalui ijtihad, para sahabat terlebih dahulu akan bermesyuarat untuk mendapatkan pandangan dan menyatukan pendapat. Ijtihad secara kolektif ketika itu sangat mudah dilaksanakan kerana bilangan sahabat yang

mempunyai keupayaan berijtihad adalah sedikit dan mereka tinggal ditempat yang berhampiran.

Metodologi ijtihad di zaman al-Khulafā' al-Rāsyidin lebih tertumpu kepada pengeluaran (*istinbāḥ*) hukum daripada zahir nas al-Qur'an atau hadis. Walaupun demikian, pengeluaran hukum melalui ijtihad kadang-kadang dilakukan dengan cara menggiyaskan 'illaṭ sesuatu itu dengan 'illaṭ yang terkandung dalam nas-nas.

Mana-mana hukum yang disepakati melalui ijtihad kolektif akan diputuskan sebagai fatwa. Hukum sedemikian dinamakan *ijmā'*. Menurut para ulama usūl, hukum yang ditentukan secara *ijmā'* adalah menjadi sumber syariat yang pasti (*qat'ī*) selepas al-Qur'an dan sunnah. Manakala permasalahan yang tidak disepakati hukumnya, para sahabat akan mengeluarkan fatwa mengikut hukum yang mereka ijtihadkan. Ketidaksepakatan dalam memutuskan hukum tersebut adalah berpunca daripada tiga faktor utama, iaitu:

- i. Perbezaan pendapat dalam memahami zahir nas al-Qur'an seperti maksud quru' yang memberi makna haid dan bersih (*al-tuhr*).

ii. Kesukaran dalam merujuk sunnah kerana ketika itu hadis-hadis belum dikumpulkan dan belum dibukukan. Maka, para sahabat mempunyai metod yang berbeza untuk mengiktiraf kesahihan hadis.

ii. Ketiadaan nas menyebabkan hukum diputuskan mengikut akal (*al-ra'yu*). Hukum yang ditentukan berdasarkan penilaian akal terhadap maslahat dan semangat perundangan (*roh al-tasyrī'*). Penilaian tersebut tentunya berbeza kerana mengikut pendapat masing-masing.

Fatwa-fatwa yang diputuskan oleh para sahabat secara individu ini sedikit sahaja bilangannya kerana mereka kurang menggemari metodologi penetapan fatwa sedemikian. Para sahabat lebih mengutamakan pengeluaran fatwa dengan berpanduan kepada nas al-Qur'an dan sunnah dan fatwa tidak akan diputuskan terhadap sesuatu permasalahan kecuali ia benar-benar berlaku.

Selepas zaman pemerintahan al-Khulafā' al-Rāsyidin, ahli ijtihad dari kalangan para sahabat tidak lagi tinggal berkumpul di Madinah. Berikutan dengan pengluasan tanah jajahan kerajaan Islam, mereka telah berhijrah ke tempat yang berasingan dan berjauhan. Keadaan ini menyukarkan mereka mencapai muafakat melalui mesyuarat dan perbincangan dalam menentukan hukum seperti mana sebelumnya. Suasana kehidupan juga turut berubah dengan timbulnya berbagai permasalahan baru yang

menghendaki ketentuan hukum syarak. Lebih-lebih lagi dengan pertambahan umat Islam yang mempunyai dan mengamalkan berbagai adat dan budaya tradisi mereka. Memandangkan keperluan masyarakat kepada mereka dalam mendapatkan penjelasan ketentuan hukum syarak, mereka terpaksa berusaha mengeluarkan fatwa mengikut apa yang mereka hafal dan fahami daripada al-Qur'an dan hadis. Namun dalam perkara yang memerlukan fatwa diputuskan melalui ijtihad, mereka lebih menumpukan kepada aspek '*illa*' dan *maslahat*. Fenomena ini menyebabkan fatwa yang dikeluarkan berbeza antara satu tempat dengan tempat yang lain kerana mengikut keadaan masyarakat setempat. Keadaan tersebut berterusan dan telah menjadi sejarah dalam perkembangan ijtihad dan ilmu fiqh sehingga melahirkan mazhab-mazhab fiqh. Faktor ini banyak mempengaruhi keadaan fatwa masa kini.

Memandangkan pentingnya kerja-kerja fatwa dalam menangani permasalahan umat Islam maka pihak pemerintah telah mengambil inisiatif membentuk institusi fatwanya sendiri. Kerjaya fatwa mula diinstitusikan di zaman pemerintahan khalifah 'Umar Abdul Aziz.

Setelah fatwa diinstitusikan ia ditangani oleh mufti yang dilantik oleh kerajaan. Para ulama berpendapat bahawa melantik mufti adalah sebahagian daripada fardu kifayah. Mufti yang dilantik mestilah mampu melakukan kerja-kerja pengeluaran fatwa dan menjadi contoh kepada masyarakat. Aspek yang menjadi prioriti dalam pemilihan mufti ialah mempunyai ilmu pengetahuan yang luas khususnya dalam bidang ilmu-ilmu

Islam dan mempunyai keperibadian (*syakhsiyah*) yang baik serta akhlak yang mulia. Syarat-syarat tersebut adalah penting untuk kewibawaan fatwa mufti berkenaan.

Hari ini, mufti yang dilantik telah ditempatkan di institusi-institusi fatwa yang telah dibentuk oleh kerajaan. Dari tinjauan penulis beberapa institusi fatwa di Asia Tenggara dan Dār al-Iftā' al-Misriyyah Kaherah, terdapat tiga pihak yang mempunyai autoriti dalam mengeluarkan fatwa di institusi fatwa yang beroperasi masa kini.

- i. Fatwa dikeluarkan oleh Mufti Kerajaan seperti di Mesir, Brunei dan beberapa negeri di Malaysia contohnya Selangor dan Wilayah Persekutuan.
- ii. Fatwa dikeluarkan oleh jawatankuasa yang ahlinya termasuk Mufti Kerajaan seperti Singapura dan beberapa negeri di Malaysia contohnya Johor dan Perak.
- iii. Fatwa dikeluarkan oleh jawatankuasa yang tidak dianggotai oleh Mufti Kerajaan seperti Indonesia dan Thailand.

Mufti-Mufti Kerajaan yang ditempatkan di institusi-institusi fatwa di atas adalah dilantik oleh ketua negara dan autoriti mereka adalah mengikut kuasa yang diberikan oleh undang-undang negara masing-masing. Kebanyakan negara tidak menjelaskan

dalam akta tentang cara pemilihan mufti dibuat kecuali Singapura. Mufti Republik Singapura adalah dilantik oleh Presiden Singapura setelah berunding dengan Majlis Ugama Islam Singapura seperti mana kehendak seksyen 30 (1) dari Akta Pentadbiran Hukum Islam 1966.

Institusi-institusi fatwa menjadi tempat rujukan kerajaan dan masyarakat dalam mendapatkan penjelasan ketentuan hukum syarak. Bahkan di Republik Arab Mesir mufti menjadi tempat rujukan mahkamah dalam mengendalikan kes-kesnya walaupun mahkamah mempunyai bidang kuasa yang tersendiri. Di Malaysia, Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan adalah tempat rujukan Majlis Raja-Raja untuk mengatasi permasalahan yang menyentuh ketentuan hukum syarak. Manakala akta sebahagian negeri telah memperuntukkan bahawa Mufti Kerajaan adalah menjadi penasihat kepada raja dalam perkara yang berhubung kait dengan hukum syarak seperti Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Ini membuktikan betapa pentingnya institusi fatwa dalam kehidupan masyarakat dan kepentingan pihak pemerintah masa kini.

Penetapan fatwa dalam perkara yang tidak ada nas al-Qur'an dan sunnah, selain memilih pendapat yang lebih *rāḥīh* (kuat dan baik) fatwa akan diputuskan dengan melihat kepada kemaslahatan umat Islam. Secara keseluruhannya institusi-institusi fatwa rantau Asia Tenggara telah menetapkan supaya fatwa dikeluarkan mengikut *qaul mu'tamad* dalam mazhab syafi'i. Walau pun demikian, jika ia akan menjadi kesukaran dalam mengikuti atau melaksanakan atau menjadi bertentangan dengan kepentingan

awam, fatwa boleh dikeluarkan mengikut pendapat mazhab Hanafi, Maliki atau Hanbali yang mana bersesuaian demi kemaslahatan umat Islam.

Institusi fatwa di Negara Brunei Darussalam tidak banyak berbeza dengan apa yang diamalkan oleh institusi fatwa rantau Asia Tenggara. Mufti adalah dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam. Hal Ehwal fatwa di kawal sepenuhnya oleh Akta Majlis Ugama Islam Dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Penggal 77 Semakan 1984 dari Undang-Undang Negara Brunei Darussalam.

Dari sudut sejarah jelas faktor utama yang membawa kepada penubuhan institusi fatwa di Negara Brunei Darussalam ialah peranan dan kesungguhan raja yang memerintah. Ia bermula apabila Al-Marhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan Brunei ke-28, menitahkan supaya diwujudkan institusi fatwa melalui warkah baginda kepada Menteri Besar pada 24 Januari 1961. Kandungan warkah tersebut menyatakan dengan jelas hasrat baginda yang mahukan seorang ulama yang benar-benar bertugas dan mengambil berat dalam memberi fatwa atau menghuraikan hukum untuk kesentosaan rakyat dan negara.

Berikutan titah tersebut institusi fatwa Negara Brunei Darussalam berjaya ditubuhkan pada 1 April 1962 iaitu dengan perlantikan Awang Haji Ismail bin Omar

Abdul Aziz, seorang pegawai pinjaman dari kerajaan Negeri Johor, Malaysia menjadi Mufti Kerajaan Brunei yang pertama. Lantikan beliau yang pertama berakhir pada 31 Mac 1965. Kemudian dilantik semula pada 8 Mac 1967 sehingga beliau meninggal dunia pada 3 Februari 1993. Selepas itu, jawatan Mufti Kerajaan disandang oleh Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned bermula pada 1 September 1994 hingga sekarang.

Sejak pembentukannya, institusi fatwa tersebut telah menjalani beberapa perubahan. Mula-mula ia merupakan satu bahagian dari Jabatan Hal Ehwal Ugama. Setelah Jabatan Hal Ehwal Ugama dinaikkan tarafnya menjadi sebuah kementerian bahagian fatwa menjadi salah satu bahagian dari Jabatan Hal Ehwal Syariah, Kementerian Hal Ehwal Ugama. Bahagian fatwa diketuai oleh Mufti Kerajaan yang fungsi pentadbirannya diletakkan dibawah kuasa Pengarah Hal Ehwal Syariah. Dalam menjalankan tugas mufti, ia dibantu oleh beberapa orang kerani. Kemudian pada 1 Januari 1989 Timbalan Mufti Kerajaan dilantik untuk membantu tugas Mufti Kerajaan. Walau bagaimana pun tidak ada kuasa yang diberikan oleh undang-undang kepada Timbalan Mufti Kerajaan dalam menangani fatwa.

Peranan raja dalam mengembangkan peranan dan meningkatkan taraf institusi fatwa lebih ketara lagi apabila Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah menitahkan pada 7 November 1994 supaya ditubuhkan Jabatan Mufti Kerajaan. Menurut titah perintah berkenaan, Jabatan Mufti

Kerajaan tidak lagi di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama tetapi menjadi sebuah jabatan berasingan di bawah Jabatan Perdana Menteri dan menetapkan bahawa Mufti Kerajaan adalah bertanggungjawab terus kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia pada menyembahkan apa juga perkara yang berkaitan dengan tugas-tugas sebagai Mufti Kerajaan. Pengisytiharan ini jelas membuktikan seriusnya perhatian raja terhadap institusi fatwa Negara Brunei Darussalam.

Dengan itu, Jabatan Mufti Kerajaan telah menyusun struktur baru untuk memenuhi hasrat titah berkenaan. Sebagai sebuah institusi fatwa, Jabatan Mufti Kerajaan diketuai oleh Mufti Kerajaan. Mufti dibantu oleh Timbalan Mufti Kerajaan dan Pengarah Pentadbiran. Fungsi-fungsi kerja digerakkan melalui dua bahagian induk iaitu Bahagian Pentadbiran dan Bahagian Fatwa. Bahagian fatwa dipecahkan kepada tiga iaitu Bahagian Iftā', Bahagian Tasyri' dan Bahagian Buhuth dan Irsyad. Manakala bahagian-bahagian yang berfungsi dibawah Pentadbiran ialah Bahagian Urusetia fatwa, Bahagian Qismul Hikmah, Bahagian Penerbitan dan Penerangan, Bahagian Perancangan dan Kewangan dan Bahagian Kakitangan dan Perkhidmatan.

Sejak penubuhan Jabatan Mufti Kerajaan hingga kajian ini dibuat belum ada undang-undang yang diperuntukan khas mengenai jabatan berkenaan dan belum ada perubahan atau pindaan dibuat terhadap undang-undang yang mengawal hal ehwal fatwa. Jabatan Mufti Kerajaan masih mengendalikan tugas-tugasnya sebagai institusi fatwa mengikut seperti mana sebelumnya. Fatwa-fatwa terus dikeluarkan oleh Mufti

Kerajaan. Orang ramai dan pihak kerajaan termasuk Majlis Ugama Islam masih menghadapi segala pertanyaan secara terus kepada Jabatan Mufti Kerajaan untuk mendapatkan fatwa.

Sepertimana juga negara-negara jirannya, fatwa-fatwa dikeluarkan dengan mengutamakan *qaul mu'tamad* dari mazhab Syafi'i di samping mengambil kira kepentingan dan keselesaan orang awam. Dengan demikian fatwa-fatwa yang dikeluarkan dapat diterima dengan baik, bahkan sebahagiannya telah dijadikan garis panduan dalam urusan pentadbiran negara dan menjadi ikutan dan amalan masyarakat dalam usaha menjadikan Islam sebagai cara hidup beragama dan bernegara walaupun fatwa tersebut belum diwartakan. Ini menunjukkan bahawa Jabatan Mufti Kerajaan memainkan peranan penting dalam membantu kerajaan menerapkan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran negara dan membentuk kehidupan masyarakatnya.

Dalam mengaktifkan peranannya, Jabatan Mufti Kerajaan telah mengadakan program Irsyād Hukum dan program Bersama Mufti. Program-program tersebut adalah merupakan jalan bagi Jabatan Mufti Kerajaan menyalurkan segala maklumat, penjelasan, penerangan, panduan dan bimbingan tentang ketentuan hukum syarak kepada orang ramai sebagai huraian dan tambahan kepada fatwa Mufti Kerajaan. Usaha ini menunjukkan adanya inisiatif dan kesungguhan Jabatan Mufti Kerajaan dalam membantu masyarakat memahami dan mengikuti ketentuan hukum yang difatwakan. Selain itu, orang ramai dapat meningkatkan pengetahuan mereka mengenai ajaran

agama Islam secara positif dalam menjadikan Islam sebagai ideologi dan cara hidup yang sempurna. Dengan demikian peranan Jabatan Mufti Kerajaan tidak lagi setakat menjawab soalan-soalan yang dikemukakan kepada mufti sahaja.

Skim Tarbiah Ulama yang dianjurkan oleh Jabatan Mufti Kerajaan untuk mewujudkan ulama pelapis merupakan langkah yang bijak kerana dengan adanya ulama pelapis yang bertaraf pakar dalam berbagai bidang akan memantapkan kewibawaan institusi fatwa berkenaan.

Secara keseluruhannya Jabatan Mufti Kerajaan berjaya memainkan peranannya sebagai sebuah institusi fatwa yang menjadi rujukan pihak kerajaan dan masyarakat. Tetapi untuk menjadikan ia lebih berwibawa dan berautoriti masih terdapat beberapa perkara yang perlu diperkemaskinikan khususnya peruntukan undang-undang yang mengawal fatwa dan institusi fatwa. Peruntukan undang-undang yang berkuatkuasa sekarang adalah perlu dikaji dan dinilai semula supaya ia menjadi akta yang lebih kemas dan relevan dengan keadaan sekarang. Terdapat dua perkara pokok yang wajar diambil perhatian dan memaksa supaya akta tersebut dikaji semula.

Pertama: Peruntukan undang-undang yang tidak praktikal dan tidak kemas.

Tidak praktikalnya dan tidak kemasnya peruntukan yang berkuatkuasa sekarang terbukti dalam beberapa permasalahan berikut.

- i. Kesukaran melaksanakan Kehendak bab 42 (2) seperti yang diuraikan dalam bab tiga cerai 3.1. Walaupun kesukaran tersebut dapat di atasi dengan memilih kelunggaran yang ada dalam akta yang sama, tetapi ia bukanlah merupakan penyelesaian secara total bahkan ia hanyalah sebagai jalan penyelesaian secara sementara sahaja.

- ii. Dalam bab 42 (2) telah menjelaskan bahawa jika rang fatwa yang tidak dipersetujui oleh Jawatankuasa Undang-Undang secara sebulat suara, soalan akan dihadapkan kepada Majlis Ugama Islam. Kemudian fatwa akan dikeluarkan oleh Majlis mengikut kelebihan suara ahlinya. Selain itu bab 42 (3) lebih memberi kebebasan kepada Majlis Ugama Islam mengeluarkan fatwa dengan kehendaknya sendiri. Kedua-dua prosedur ini jelas menafikan kewibawaan Mufti Kerajaan dan menunjukkan bahawa peranan Mufti Kerajaan tidak lebih daripada sebagai ahli biasa yang menganggotai Majlis Ugama Islam. Prosedur tersebut boleh menimbulkan implikasi yang kurang baik terhadap Mufti Kerajaan. Contohnya, jika pendapat mufti kurang mendapat sokongan ahli tentunya kredibiliti mufti akan tercemar selaku orang yang dipilih oleh pemerintah menjadi Mufti Kerajaan. Maka, dengan perkembangan Jabatan Mufti Kerajaan yg ada sekarang, adalah lebih baik setiap permasalahan yang dihadapkan ditangani sepenuhnya oleh pegawai-pegawai di jabatan berkenaan. Situasi sedemikian lebih efisien dalam membantu Mufti Kerajaan mencapai keputusan fatwanya. Prosedur

seumpama ini lebih menyelamatkan martabat dan *syakhṣiyah* Mufti Kerajaan seperti mana yang dikehendaki oleh agama Islam dan memantapkan kewibawaannya sebagai mufti yang dilantik oleh ketua negara. Prosedur tersebut telah dilaksanakan oleh Dār al-Iftā' al-Miṣriyyah, Mesir.

iii. Menurut bab 42, Akta Majlis Ugama Islam Dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Penggal 77, pihak yang berautoriti mengeluarkan fatwa ialah Jawatankuasa Undang-Undang atas nama Majlis. Tetapi maksud ini tidak selari dengan kehendak bab 187 (kesalahan mengeluarkan fatwa) yang membawa maksud bahawa Mufti boleh mengeluarkan fatwa secara bersendirian.

iv. Penetapan fatwa dengan mengikut *qaul* yang *dha'if* seperti yang diperuntukkan dalam bab 43 (1) adalah bertentangan dengan pendapat ulama-ulama fiqh kerana mengikut mereka, *qaul* yang *dha'if* tidak boleh menjadi dasar fatwa.¹

v. Menurut bab 44 (3) Mufti Kerajaan adalah menjadi Pengerusi Jawatankuasa Kehakiman. Adalah lebih baik mufti tidak menjadi hakim untuk mengelakkan tuhmahan terhadap keputusan dan fatwanya seperti yang dikatakan oleh al-qādhī Syurairi: “Aku membicarakan (menjadi kadi) dan aku tidak berfatwa”. Menurut Abu Bakar bin al-Mundzir adalah dilarang bagi kadi untuk memberi fatwa kecuali dalam perkara yang tidak berhubung kait

dengan kehakiman seperti taharah dan ibadat. Pendapat ini disokong oleh pengikut Imam Syafi'i dan Imam Ahmad bin Hanbal.¹¹ Selain itu, Mufti Kerajaan dapat menumpukan sepenuh masanya dalam tugas-tugas yang berkaitan dengan fatwa.

Kedua: Perubahan kedudukan Jabatan Mufti Kerajaan masa kini.

Penubuhan Jabatan Mufti Kerajaan telah diisytiharkan pada 7 November 1994 atas titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia. Tentunya titah tersebut mempunyai makna yang tersirat dan menjadi hasrat kepada pihak kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Dipertuan. Sudah sewajarnya ada perubahan yang membolehkan Jabatan Mufti Kerajaan berkembang dengan lebih profesional berbanding sebelumnya. Lebih-lebih lagi dalam pengistiharan tersebut telah dinyatakan bahawa Jabatan Mufti Kerajaan adalah menjadi sebuah jabatan berasingan di bawah Jabatan Perdana Menteri. Manakala Mufti Kerajaan adalah bertanggungjawab terus kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia pada menyembahkan apa juga perkara berkaitan dengan tugas-tugas Mufti Kerajaan.

Pengisytiharan ini jelas memberi makna yang positif ke arah perubahan pembentukan institusi fatwa yang lebih berautoriti dan berwibawa berbanding sebuah jawatankuasa. Penstrukturan Jabatan Mufti Kerajaan yang mengatitkan Bahagian Hal Ehwal Fatwa terdiri dari tiga bahagian utama iaitu Bahagian Tasyri', Bahagian Iftā' dan

Bahagian Buhuth dan Irsyad tentunya menjadikan Jabatan Mufti Kerajaan berupaya menjalankan tugas yang berkaitan dengan hal ehwal fatwa secara lebih efisien dan profesional .

6.2 Saranan.

Berdasarkan kepada realiti dan tujuan pihak kerajaan membentuk institusi fatwa iaitu menjadi tempat atau sumber rujukan pihak kerajaan dan masyarakat dalam mendapatkan ketentuan hukum syarak, maka sukacita dikemukakan beberapa pandangan sebagai saranan ke arah memantapkan dan memperkemaskan peranan institusi fatwa khususnya Jabatan Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam.

1. Dalam langkah kearah lebih mengukuhkan kewibawaan Mufti Kerajaan, mestilah dibentuk satu penal khas yang bertanggungjawab menilai dan memilih Mufti Kerajaan untuk dilantik secara rasmi oleh Ketua Negara. Dengan demikian fatwanya lebih mudah diikuti kerana pemilihan tersebut adalah merupakan bukti dan pengakuan terhadap kewibawaannya dalam berfatwa.
2. Mufti Kerajaan yang telah dilantik mestilah diberi autoriti yang cukup bagi tujuan menjalankan tugasnya sebagai Mufti Kerajaan terutama yang

berkaitan dengan fatwa. Ini disebabkan Mufti Kerajaan dilantik oleh ketua negara atas dasar keperluan negara dan masyarakat dan pemilihannya adalah berasaskan kelebihan personalitinya dalam bidang yang khusus. Tanpa adanya autoriti sedemikian akan menyebabkan mufti tidak berfungsi seperti mana yang sepatutnya. Mufti akan terhalang dari tugas utamanya iaitu memberi fatwa kerana tidak diberikan autoriti berbuat sedemikian seperti mana di Singapura, sebahagian negeri di Malaysia dan termasuk Negara Brunei Darussalam sepertimana yang terkandung dalam Akta Majlis Ugama Islam Dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Penggal 77. Keadaan sedemikian menggambarkan seolah-olah negara berkenaan tidak mempunyai Mufti Kerajaan. Satu perkara yang lebih buruk ialah ketetapan ini menggambarkan mufti yang dilantik tidak berkemampuan untuk berfatwa. Berbeza halnya dengan negara-negara yang tidak melantik Mufti Kerajaan seperti Indonesia dan Thailand kerana ia tidak menjejaskan kedudukan dan gelaran Mufti Kerajaan.

3. Timbalan Mufti Kerajaan perlu dilantik mengikut undang-undang dan mestilah ada peruntukan undang-undang yang memberi kuasa-kuasa sementara yang perlu khususnya semasa ketiadaan Mufti Kerajaan. Hal ini perlu bagi mengelakkan terhentinya pengeluaran fatwa disebabkan ketiadaan Mufti Kerajaan seperti mana pengalaman Negara Brunei

Darussalam dari bulan April 1965 hingga 7 Mac 1967 dan dari 4 Februari 1993 hingga 31 Ogos 1994.

4. Perlu ada pembantu-pembantu mufti yang berkelayakan mengikut penilaian Mufti Kerajaan atau komiti khas yang dibentuk bagi tujuan tersebut. Pegawai-pegawai itu hendaklah dilantik menurut undang-undang bagi memastikan mufti mendapat sumber rujukan yang cukup dan pandangan yang memuaskan. Pegawai tersebut hendaklah bertanggungjawab sepenuh masa menjalankan tugas-tugasnya sebagai pembantu Mufti Kerajaan.
5. Mesti ada kesinambungan dan kerjasama daripada berbagai pihak khususnya pihak yang bertanggungjawab dalam pentadbiran pendidikan supaya sama-sama menuju wawasan dalam mewujudkan para ilmuan dan cendekiawan yang bertaraf pakar dalam berbagai bidang pengajian agama Islam. Dengan lahirnya pakar-pakar berkenaan akan menjadikan institusi fatwa boleh mendapatkan ahli yang berkualiti dan berwibawa.
6. Mesti ada peruntukan undang-undang yang komprehensif untuk menjamin kewibawaan fatwa dan institusi fatwa kerana tanpa adanya peruntukan yang sempurna adalah merupakan halangan besar terhadap usaha

meningkatkan keberkesanan peranan dan kewibawaan fatwa seperti mana dialami sekarang.

7. Fatwa-fatwa Mufti Kerajaan mestilah mempunyai autoriti (authoritative) untuk dijadikan ikutan dan panduan oleh semua pihak kerana ia adalah ketetapan yang diputuskan oleh institusi yang dibentuk khas untuk menjadi sumber rujukan pihak kerajaan dan masyarakat dalam mendapatkan penjelasan tentang ketentuan hukum syarak. Dengan demikian, usaha kearah penyatuan fahaman, penghayatan prinsip dan amalan tentang ajaran Islam lebih mudah dicapai dan resiko perpecahan umat dapat dielakkan kerana semua pihak berpandu kepada ketentuan dari sumber sama. Dalam konteks Negara Brunei Darussalam ia lebih memantapkan dasar pemerintahan negara yang berkonsepkan “Melayu Islam Beraja”.
8. Jabatan Mufti Kerajaan, Negara Brunei Darussalam perlu memperluaskan lagi usahanya dalam bidang penyebaran ilmu melalui terjemahan kitab-kitab kedalam bahasa Melayu. Terutama kitab-kitab yang menjadi rujukan utama dalam pengajian agama Islam khususnya kitab-kitab aliran ahli sunnah wa al-Jemaah kerana kitab-kitab berkenaan sangat diperlukan oleh masyarakat.

9. Untuk melengkapkan sumber rujukan dalam membuat keputusan yang hendak difatwakan, perlu ada hubungan serantau dan antarabangsa yang membolehkan mufti dan pembantu-pembantunya menyemak dan meneliti fatwa-fatwa yang berkaitan dengan permasalahan yang sedang dihadapi.
10. Untuk menghasilkan kajian yang lebih berkualiti dan memenuhi keperluan semasa, serantau dan antarabangsa, Jabatan Mufti Kerajaan perlu mengadakan kerjasama atau perjanjian persefahaman (Memorandum Of Understanding) dengan pihak-pihak yang mempunyai kemantapan dan kemahiran dalam bidang Penyelidikan (Research and Development). Usaha seperti ini secara tidak langsung membantu meningkatkan kemahiran pegawai-pegawai Jabatan Mufti Kerajaan khususnya pegawai-pegawai penyelidik.
11. Penyaluran maklumat khususnya fatwa-fatwa Mufti Kerajaan hendaklah diselenggarakan dengan lebih kemas, sistematik dan meluas supaya ia benar-benar sampai kepengetahuan orang ramai seluruhnya.

RUJUKAN

-
- ⁱ *Qalyūbi wa 'Umairah*, Kaherah, t.t, Jld. 1, hlm. 13 dan lihat penjelasan 'Uthman bin Abdullah al-'Alawiy dalam kitab *al-Qawā'in al-Syar 'iyyah*, Maktabah 'Arafat, Bukum, t.t, hlm 42- 45.
- ⁱⁱ Ibn Salah, 'Uthmān bin 'Abd al-Rahmān, *Op. Cit*, hlm 107-108 dan Ibn Qayyim al-Jawziyyah, *Op. Cit*, Juz 4, hlm 180.